

JARINGAN ILMUAN HADIS DAN KARYA-KARYA HADIS DI NUSANTARA

Ahmad Levi Fachrul Avivy
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
ahmadlevi@yahoo.co.id

ABSTRAK

*Perkembangan keilmuan Islam di Nusantara tidak lepas dari perkembangan hubungan antara muslim Nusantara dengan Haramayn sebagai salah satu pusat ilmu dan pendidikan Islam. Abad XVII merupakan masa yang menjadi titik tolak bagi perkembangan sosio-intelektual muslim Nusantara. Pada abad tersebut mula bermunculan karya-karya ilmiah karangan Ilmuan Nusantara dalam pelbagai bidang keilmuan termasuk dalam bidang hadis. Kertas kerja ini cuba memaparkan perkembangan pengajian hadis serta peranan institusi pendidikan di Haramain yang telah berjaya melahirkan ramai ilmuan Islam Nusantara. Selain itu, kertas ini ingin menggali khazanah keilmuan para ilmuan Nusantara silam khususnya dalam bidang hadis serta jaringan keilmuan di kalangan ulama Nusantara. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Pengumpulan data merupakan antara metode yang paling banyak digunakan bagi mencari data-data atau fakta yang berhubungkait dengan subjek kajian. Kajian mendapati bahawa penerbitan karya hadis di Nusantara ditandai dengan lahirnya kitab *Sharh al-Latif ʿala Arbaʿin Hadith* karangan Syeikh Abd al-Raʿuf al-Fansuri. Selepas itu banyak karya-karya hadis yang dihasilkan oleh para ilmuan Nusantara sehinggalah kitab *Misbah al-Zalam sharh Bulugh al-Maram* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Muhajirin Amsar. Selain itu, kertas ini juga membuktikan adanya ketersambungan sanad keilmuan antara para Ulama Nusantara sehingga membentuk satu jaringan keilmuan.*

Kata kunci: Jaringan ilmuan, Karya Hadis, Ulama Nusantara.

1. Pendahuluan

Perkembangan keilmuan di Nusantara tidak boleh dilepaskan hubungannya dengan Haramayn, yang menjadi salah satu pusat keilmuan Islam. Proses tranmisi keilmuan daripada Haramayn ke Nusantara dipelopori oleh tiga orang ulama yang merupakan tokoh penting dalam proses awal transmisi keilmuan ke Nusantara pada abad ke-17 ialah Nur al-Din al-Raniri, Abd al-Raʿuf al-Singkili dan Yusuf al-Maqassari.

Pada abad ke-17 ini, banyak muslim Nusantara menunaikan ibadah haji dan menetap di Haramayn guna mendalami ilmu agama Islam. Sebagai pusat awal perkembangan Islam, Haramayn memiliki nilai tersendiri. Haramayn juga merupakan tempat pertemuan terbesar kaum muslimin seluruh dunia, disinilah berlakunya interaksi intelektual. Inilah sebab kenapa Haramayn menjadi pilihan para penuntut untuk belajar. Selain itu, ilmu yang didapat di Haramayn dipandang lebih tinggi nilainya daripada ilmu yang diperoleh dari pusat keilmuan lainnya. Pandangan ini juga berlaku di Nusantara, bagi Muslim Nusantara, ulama keluaran Haramayn dipandang lebih dihormati daripada mereka yang memperoleh pendidikan di tempat lain pada ketika itu.

Menurut Azra, (2007) keterlibatan ulama Nusantara yang bermula sejak abad ke-17 dirintis oleh ulama asal Aceh, Nur al-Din al-Raniri (w. 1068 H/1658 M), Abd al-Ra'uf al-Singkili (w. 1105 H/ 1693 M) dan Muhammad Yusuf al-Makassari (w. 1111 H/ 1699 M). Sebelum ketiga-tiganya bermukim di Haramayn, mereka melakukan *rihlah ilmiyyah* ke beberapa kota lainnya di Timur Tengah. Di Haramayn inilah mereka berguru dengan para ulama besar pada zaman itu, antaranya Ahmad al-Qushahi, Ibrahim al-Kurani dan Muhammad al-Barzanji. Pada akhirnya masing-masing mereka memiliki kedudukan yang mulia sekaligus menjadi pembuka pintu bagi generasi berikutnya. Beberapa dekad berikutnya, menyusul ulama Nusantara lainnya ke Haramayn seperti Abd al-Samad al-Palimbani, Muhammad Arsyad al-Banjari (w. 1227 H/1812 M), Muhammad Nafis al-Banjari, Dawud al-Fatani (w. 1265 H/1847 M), Ahmad Khatib al-Sambasi, Ahmad Rifa'i Kalisalak (w. 1286 H/1870 M), Nawawi al-Bantani (w. 1314 H/1879 M), Ahmad Khatib al-Minangkabawi (w. 1334 H/1916 M), Mahfuz al-Tarmasi (w. 1869 H/1920 M) dan lain-lain.

Keberadaan ulama Nusantara di Haramayn cukup dihormati, dibuktikan dengan diberikannya *ijazah* untuk mengajar di *halaqah-halaqah* Masjid al-Haram, bahkan ada beberapa ulama Nusantara yang diberikan gelaran khusus seperti Syeikh al-Hijaz untuk Nawawi al-Bantani dan Mufti mazhab Syafii untuk Ahmad Khatib al-Minangkabawi.

Para ulama Nusantara bukan hanya meninggalkan nama yang dihormati namun juga meninggalkan karya tulis yang hingga ke hari ini masih dapat dimanfaatkan. Melalui karya tulis inilah berlakunya tranmisi ilmu daripada Haramayn ke Nusantara. Tradisi penulisan ini sudah bermula sejak abad ke-17 lagi yakni oleh Nur al-Din al-Raniri. Kemudian diikuti oleh para ulama selepasnya.

Kebanyakan karya yang dihasilkan oleh para ulama Nusantara adalah tentang akidah, fikah dan tasawuf. Namun begitu, karya hadis juga dihasilkan oleh para ulama Nusantara ini, kebanyakannya berupa terjemahan, ada yang berbentuk syarah daripada kitab hadis dan ada juga yang membicarakan ilmu hadis. Bahkan ada ulama Nusantara yang layak digelar sebagai *muhaddis* disebabkan ketinggian ilmunya dalam bidang hadis. Kertas kerja ini mencuba mengetengahkan karya-karya hadis yang dihasilkan oleh para ulama hadis agar masyarakat mengetahui bahawa keilmuan hadis di Nusantara sudah dirintis sejak abad ke-17 dan sudah selayaknya jejak keilmuan ini diteruskan oleh generasi sekarang. Atas alasan keterbatasan ruang, dalam kertas kerja ini, penulis tidak akan membahas karya-karya hadis terjemahan, penulis hanya akan mengetengahkan karya hadis asli, syarah dan karya ilmu hadis.

2. Metodologi

Metodologi yang digunakan dalam kertas kerja ini adalah metodologi kajian kepustakaan. Pengumpulan data merupakan antara metode yang paling banyak digunakan bagi mencari data-data atau fakta yang berhubungkait dengan subjek kajian. Sumber pertama iaitu kitab-kitab hadis yang ditulis sendiri oleh para ulama Nusantara. Sumber kedua seperti buku-buku, jurnal, majalah, kertas-kertas dan bahan-bahan bertulis lainnya yang bersesuaian.

3. Hasil dapatan dan perbincangan

3.1. Syeikh Nur al-Din al-Raniri (w. 1069 H/1658 M) dan kitab Hidayat al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib.

Ulama kelahiran Ranir, India ini dilahirkan dari ayah berketurunan Arab Hadramawt dan ibunya adalah seorang Melayu Aceh. Al-Raniri berangkat ke Haramayn pada tahun 1030 H/1620 M. Sewaktu berada di Haramayn, al-Raniri belajar kepada Syeikh Umar bin Abdullah Ba Shayban al-Tarimi al-Hadrami, dan gurunya inilah juga yang menunjuk al-Raniri sebagai *khalifahny*a dalam tarekat Rifa'iyah. (Azra. 2007)

Syeikh Nur al-Din al-Raniri banyak menulis kitab yang merangkumi pelbagai cabang ilmu pengetahuan Islam seperti hadis, sejarah, perbandingan agama, fikah, akidah dan tasawuf. Menurut Wan Mohd Saghir (1991) dalam bukunya *Khazanah Karya Pustaka Asia Tenggara*, Syeikh Nur al-Din al-Raniri telah menulis sebanyak 33 judul karangan.

Dalam bidang hadis, Syeikh Nur al-Din al-Raniri menulis sebuah kitab berjudul *Hidayat al-Habib fi al-Tarhib wa al-Tarhib* yang dikenali juga dengan nama *al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Kitab ini merupakan kitab hadis pertama yang dihasilkan oleh ulama Nusantara dan ianya menjadi perintis bagi penulisan kitab hadis di Nusantara. Kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu dan ditulis dengan tulisan Jawi. Kitab ini ditulis di Pahang pada hari Jumaat bulan Syawal 1045 H/1635 M. Kitab ini dibawa ke Aceh semasa pemerintahan Sultan Iskandar Thani (Wan Mohd. Saghir. 1999)

Sejumlah 810 hadis terkandung dalam kitab ini yang terbahagi kepada 53 bab. Hadis-hadis dalam kitab ini berbentuk *tarhib* dan *tarhib* sesuai dengan tajuk yang diberikan oleh pengarangnya.

Kitab ini memiliki kelebihan yang dianggap sebagai cukup maju sebagai kitab hadis terawal, yakni penulisnya melakukan *takhrij* bagi setiap hadisnya dan digunakan *rumuz* bagi setiap *mukharrijnya*. Sepertimana yang disebutkan oleh pengarangnya dalam mukaddimah kitabnya:

“Dan aku jadikan pada setiap akhir dari hadis sumber kitabnya dengan dakwat merah, maka seperti berikut: ح bagi al-Bukhari, م bagi Muslim, ت bagi Tirmidhi, حم bagi Ahmad bin Hanbal, د bagi Abu Dawud, ب bagi Ibn Hibban, قط bagi al-Daruqutni, ج bagi Ibn Majah, عي bagi al-Quda’i, كم bagi al-Hakim, ط bagi al-Tabarani, مي bagi al-Daylami, عيم bagi Abu Nu’aym, قي bagi al-Bayhaqi, ري bagi al-Askari, يع bagi Abu Ya’la, نس bagi al-Nasa’i, عد bagi Ibn ‘Adi, خط bagi Khatib, مة bagi Ibn Khuzaymah, يا bagi Ibn Ubay. Maka semestinya wahai para pelajar hafalkan oleh kamu segala hadis ini serta rujukan kitabnya supaya menjadi penghafal hadis Nabi s.a.w.”

Pengarang kitab tidak memberikan penjelasan dari setiap hadis yang dinukilkan, beliau hanya menterjemahkan maknanya ke dalam Bahasa Jawi.

Sebagai karya hadis pertama yang dihasilkan ulama Nusantara, karya ini menunjukkan bahawa para ulama terdahulu sudah menunjukkan akan pentingnya hadis dalam kehidupan masyarakat

3.2. Syeikh Abd al-Ra’uf al-Singkili (w. 1105 H/1693 M) dan Karya-Karya Hadisnya

Syeikh Abd al-Ra’uf adalah ulama kelahiran Fansur, Singkel, wilayah pantai Barat laut Aceh. Beliau dikenali juga sebagai Syiah Kuala. Al-Singkili mendapatkan pendidikan awal di Aceh, belajar kepada ayahnya dan kepada para ulama yang ada di Aceh. Pada tahun 1052 H/1642 M beliau meninggalkan Aceh menuju ke Negara Arab. Sebelum ke Haramayn, Al-Singkili singgah di Doha, Qatar. Disini beliau belajar dengan Syeikh Abd al-Qadir al-Mawrir.

Setelah itu al-Singkili melanjutkan pengajiannya ke Yaman terutama di Bayt al-Faqih dan Zabid selain di al-Lumayahm Hudaydah dan Ta’izz. Di Bayt al-Faqih beliau belajar dengan keluarga Jam’an terutama kepada Ibrahim bin Abdullah bin Jam’an.

Selepas itu beliau pergi belajar ke Haramayn. Guru utama beliau semasa di Haramayn ialah Ahmad bin Muhammad al-Qushashi dan Ibrahim al-Kurani al-Kurdi. (Azra.2007)

Syeikh Abd al-Ra’uf al-Singkili merupakan ulama yang cukup produktif dalam menghasilkan karya tulis. Lebih dari 20 karya dihasilkan oleh beliau mencakupi bidang fikah, tafsir, hadis dan syair. Karya-karyanya ada yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan juga dalam Bahasa Arab. Namanya tercatat sebagai ulama pertama di Nusantara yang menghasilkan tafsir al-Qur’an pertama secara lengkap yang dikenali tafsirnya itu dengan *Tarjuman al-Mustafid*. Beliau juga ulama pertama di Nusantara yang menulis tentang *fiqh muamalat* melalui kitabnya yang berjudul *Mir’at al-Tullab*.

Dalam bidang hadis, Syeikh Abd al-Ra'uf menghasilkan dua buah karya iaitu Kitab *Sharh al-Latif 'Ala Arba'in Haditha li al-Imam al-Nawawi* dan *Mawa'iz al-Badi'ah*.

Kitab *Sharh al-Latif 'Ala Arba'in Haditha li al-Imam al-Nawawi* merupakan syarah kepada kitab hadis *Arba'in* yang dikarang oleh al-Imam al-Nawawi. Kitab ini ditulis atas permintaan Sultanah Zakiyyat al-Din sepertimana yang disebutkan oleh beliau sendiri. Kitab ini merupakan kitab syarah hadis pertama di Nusantara. Terdapat empat Salinan manuskrip di Perpustakaan Negara Malaysia iaitu MSS 2068, MSS 1414, MSS 2083 dan MSS 2465. Sehingga kini belum dijumpai dalam bentuk cetakan. Kitab ini kebanyakannya dinukil daripada *Sharh al-Taftazani* yang ditulis oleh Sa'd al-Din al-Taftazani (w. 791 H) sepertimana yang disebut dalam mukaddimahnyanya.

"Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasih Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada Sharah Syeikh Sa'd al-Din al-Taftazani rahmatullah 'alaih. Dan telah kujadikan ia dengan Bahasa Jawi Pasai."

Adapun kitab *Mawa'iz al-Badi'ah* merupakan karya hadis Syeikh Abd al-Ra'uf yang berisi hadis-hadis *qudsi*, berkaitan aspek akidah, surga dan neraka dan cara untuk menggapai ridha Tuhan. *Al-Mawa'iz al-Badi'ah* diterbitkan di Mekkah pada 1320 H/1892 M (cetakan keempat dan kelima) (Azra. 2007:). Pada tahun 1369 H/1949 M, kitab ini diterbitkan di Penang oleh penerbit Sulaiman Press dan dicetak menjadi satu kitab dengan kitab *Muhimmah* karangan Syeikh Abdullah bin Abd al-Rahim al-Fatani.

3.3. Syeikh Mahfuz al-Tarmasi (w. 1368 H/1920 M) dan Karya-Karya Hadisnya

Agak jauh jarak antara Syeikh Abd al-Ra'uf al-Singkili dengan Syeikh Mahfuz al-Tarmasi. Sememangnya ada ulama-ulama lain yang dihidup dan berkarya pada rentang waktu antara kedua-dua ulama ini. Akan tetapi, disebabkan kertas kerja ini menumpukan kepada Ilmuan hadis dan karyanya, maka yang lebih layak untuk diketengahkan selanjutnya ialah Syeikh Mahfuz al-Tarmasi.

Nama Syeikh Mahfuz al-Tarmasi tidak semasyhur Nur al-Din al-Raniri, Abd al-Ra'uf al-Singkili, Yusuf al-Makassari, Nawawi al-Bantani, Abd al-Samad al-Falimbani, Arsyad al-Banjari ataupun Daud al-Fatani, beliau seolah dilupakan oleh para pengkaji. Baru beberapa tahun ke belakang ini, mulai banyak kajian mengenai beliau seiring dengan semangat mengetengahkan kajian Hadis di Nusantara. Sememangnya apabila kita ingin berbicara ilmuan dan karya hadis di Nusantara maka mesti menyebut nama Syeikh Mahfuz al-Tarmasi, kerana beliau adalah salah satu diantara sedikit ulama Nusantara yang layak digelar sebagai *muhaddith*.

Sebelum ke Haramayn, al-Tarmasi belajar di Tanah Jawa. Beliau belajar di pondok Pesantren Kyai Saleh Darat yang dikenali sebagai gurunya para ulama Jawa. Selepas itu beliau pergi melanjutkan pengajiannya ke Haramayn. Guru utama beliau di Haramayn ialah Syeikh Abu Bakr bin Muhammad Shata' selain belajar dengan banyak ulama disana.

Syeikh Mahfuz al-Tarmasi adalah seorang penulis yang produktif. Terbukti dengan hasil tulisannya yang berjumlah 20 kitab. Karya-karyanya meliputi bidang qiraat, hadis dan ilmu hadis, fikah dan usul fikah, tasawuf dan *tarajim*. Kesemua karyanya adalah dalam bahasa Arab. Melihat ke'alaman beliau yang meliputi pelbagai bidang, Yasin al-Fadani (w. 1990 M), seorang ulama Nusantara yang berpengaruh pada masanya dan tinggal di Mekah, menjulukinya sebagai *'allahamah, al-muhaddith, al-musnid, al-faqih, al-usuliy, dan al-muqri'*. (al-Fadani. t.th) Beberapa diantara karyanya tersebut telah dicetak ulang di Mesir, Beirut dan Indonesia, sementara yang lain masih dalam bentuk manuskrip dan sebagian yang lain telah hilang. Pada akhir tahun 1940-an ketika suasana politik memanas akibat gerakan komunis, kitab-kitab al-Tarmasi diselamatkan oleh keturunannya di pesantren Tremas. Satu

dekad berikutnya terjadi bencana alam di daerah tersebut yang disebabkan oleh banjir besar. Untuk menjaga kitab-kitab al-Tarmasi, Kyai Harir (salah satu cucu al-Tarmasi) membawanya ke Demak, Jawa Tengah. Namun sayang beberapa diantaranya tidak terselamatkan. (Abdurrahman. 2006)

Dalam bidang hadis dan ilmu hadis, beliau mempunyai lima buah karya iaitu *al-Minhah al-Khayriyyah*, *al-Khil'ah al-Fikriyyah*, *Thulathiyyat al-Bukhari*, *Manhaj Dhaw al-Nazar* dan *Kifayat al-Mustafid*.

Kitab *al-Minhah al-Khayriyyah fi Arba'in Hadithan min Ahadith Khayr al-Bariyyah* sesuai dengan judulnya, kitab ini memuat 40 hadis Nabi Muhammad s.a.w. Kitab ini dikenali juga sebagai *Arba'in al-Tarmasi*. Ada sedikit kelainan antara *Arba'in al-Tarmasi* dibanding kitab *Arba'in al-Nawawi*. Kelainan itu terlihat diantaranya dari aspek pengambilan riwayat. Dalam menuliskan hadis dalam kitabnya tersebut, al-Tarmasi turut menuliskan *silsilah sanad* periwayatan hadisnya yang memiliki kesinambungan kepada Rasulullah s.a.w.

Dalam pendahuluan kitabnya, al-Tarmasi menyatakan bahawa kitab yang beliau karang ini adalah menyempurnakan hadis-hadis *Thulathiyyat al-Bukhari* yang beliau miliki. Beliau menambah 28 hadis lagi untuk menggenapkan hadisnya menjadi 40 hadis. Dengan perincian satu hadis tentang rahmat *musalsal bi al-awwaliyyah*, 14 hadis awal dan akhir yang diambil dari *ummahat al-kutub al-sab'ah*, 22 hadis *thulathiyyat al-Bukhari*, hadis-hadis yang berkenaan dengan halal, haram, *shubuhah*, hadis tentang *ghiras al-jannah al-baqiyat al-salihah*, dan ditutup dengan hadis tentang *khatimah al-sa'adah*. (Al-Tarmasi, t.th)

Kitab setebal 57 halaman ini juga dilengkapi dengan catatan kaki singkat. Dalam catatan kaki tersebut, al-Tarmasi menerangkan secara sederhana kata-kata yang mungkin sukar dibaca atau dipahami, dan terkadang juga beliau menjelaskan *i'rab* sesuatu perkataan dan terkadang juga menjelaskan cara membacanya. Kitab ini diselesaikan oleh al-Tarmasi pada hari Ahad 16 Ramadan 1313 H. (Al-Tarmasi. t.th)

Adapun kitab *Al-Khil'ah al-Fikriyyah Sharh al-Minhah al-Khayriyyah* adalah syarah kepada kitab *al-Minhah al-Khayriyyah*. Beliau merasa perlu untuk memberi penjelasan yang lebih rinci terhadap karyanya tersebut agar lebih mudah untuk dipahami dan dimengerti para pembacanya. Beliau menyelesaikan penulisannya pada hari Selasa 8 Zulqad'ah 1313 H. (Al-Tarmasi. t.th) Dalam kitab *sharh* ini, al-Tarmasi selain memasukkan hadis, beliau juga memasukkan perkataan ulama sebagai elemen pensyarahan, dimuatkan pula dimuatkan syair-syair yang bersumber daripada sahabat dan ulama untuk lebih menambah nilai kitab tersebut.

Al-Tarmasi juga menghasilkan kitab mengenai *Ilmu hadis*. Kitab tersebut berjudul *Kitab Manhaj Dhaw al-Nazar sharh kepada Manzumah 'Ilm al-Athr* atau yang lebih dikenali sebagai *Alfiyyah al-Suyuti* karya al-Imam al-Suyuti (w. 911). Kitab ini merupakan kitab yang membuat nama al-Tarmasi terkenal sebagai ulama hadis. Kitab ini beliau tulis dalam masa 4 bulan 14 hari. Kecemerlangan intelektual al-Tarmasi dalam memahami ilmu hadis tertuang melalui karya *'ilm hadithnya* ini. Karya beliau ini selesai penulisannya di Mekah hari Jumaat 14 *Rabi' al-Awwal* 1329 H/1911 M. (Al-Tarmasi. 2008)

Al-Imam al-Suyuti dalam *khutbah* kitabnya menyebutkan bahawa *manzumah* yang beliau susun berjumlah 1000 bait (Al-Tarmasi. 2008). Akan tetapi, setelah dihitung ulang oleh al-Tarmasi, hanya berjumlah 980 bait. (Al-Tarmasi. 2008) Bahkan, Al-Suyuti mempertegas lagi di akhir kitabnya tentang jumlah 1000 baitnya. Kekurangan yang ditemukan, ditanggapi oleh al-Tarmasi dengan sikap bijaksana dan penuh *adab* terhadap al-Suyuti. Kekurangan bait tersebut bukan di satu tempat melainkan di beberapa tempat yang berlainan tajuk. Menurut al-Tarmasi, sebagai penulis tentunya al-Suyuti lebih tahu secara pasti berapa jumlah bait *nazamnya*. Bahkan al-Tarmasi menyatakan tidak mustahil bagi al-Suyuti untuk menambahkan lebih dari ratusan bait lagi, apatah lagi hanya 20 bait. Selain itu, al-Tarmasi mencuba untuk *berhusn al-zann* dengan menyatakan bahawa boleh jadi naskah yang sampai kepadanya masih berupa draf awal, dan sangat mungkin al-Suyuti sudah

melengkapinya. Al-Tarmasi juga memuji karya al-Suyuti, menurutnya bait-bait dalam kitabnya nampak begitu sistematik dan saling berhubungkait antara satu dengan yang lainnya. (Al-Tarmasi. 2008)

Mengenai jumlah bait yang kurang, al-Tarmasi berinisiatif untuk melengkapinya. Untuk itu beliau menambahkan lagi 20 bait sehingga lengkap 100 bait. Al-Tarmasi tidak meletakkan 20 bait tambahan tersebut pada satu tempat atau tajuk tertentu, melainkan tersebar di beberapa tempat. Diantaranya, 14 bait terdapat dalam bab *al-mua'llal*, 1 bait dalam bab *adab talib al-hadith*, 4 bait dalam bab *asbab al-hadith*, 1 bait dalam bab *fi al-asharat al-anwa' al-mazidah 'ala Ibn al-Salah wa alfiyyah al-'Iraqi*.

Al-Tarmasi membahagikan pembahasannya ke dalam 81 bahagian. Pembahagian ini berbeza dengan Ibn Salah dan al-'Iraqi, yang mana keduanya membagi kepada 25 bagian. Pembagian ini pula terlihat cukup memudahkan para pembaca ketika ingin mengetahui sesuatu perkara.

Kitab ini sudah dicetak dan disebarluaskan sebelum tahun 1919 M di Mesir, dan sampai sekarang masih terus dicetak ulang. Selain itu, kitabnya tersebut sudah tercantum ke dalam beberapa *majmu'at*.¹

Maka tidaklah berlebihan apabila Syeikh Mahfuz al-Tarmasi digelar sebagai Ilmuan Hadis pertama di Nusantara berdasarkan karya-karyanya dan juga pengakuan para ulama seperti yang sudah disebutkan sebelum ini.

3.4. Syeikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (w. 1410 M/1990 M) dan Karya-Karya Hadisnya.

Beliau adalah ulama Nusantara yang dilahirkan di luar Nusantara. Ada keterkaitan jaringan keilmuan antara al-Fadani dengan al-Tarmasi. Al-Fadani berguru dengan Syeikh Umar Hamdan dan Syeikh Hasan al-Masysyat, mereka berdua adalah murid kepada Syeikh Mahfuz al-Tarmasi. Beliau dilahirkan di Misfalah, Mekkah al-Mukarramah pada tahun 1335 H/1916 M. Al-Fadani adalah nisbah kepada kota Padang, yang berada di Provinsi Sumatera Barat Indonesia yang merupakan asal daripada keluarganya.

Beliau pernah mendapatkan pendidikan di Madrasah Saulatiah, Mekkah. Beliau juga pencetus idea penubuhan Madrasah Dar al-Ulum sekaligus menjadi murid pertama di madrasah itu. Antara sebab tecetusnya idea untuk menubuhkan madrasah tersebut adalah tindakan dan perlakuan mudir Madrasah Saulatiah yang gemar menyinggung perasaan pelajar yang kebanyakan berasal daripada Asia Tenggara. Hal ini terbukti dengan berpindahannya sebanyak 120 orang pelajar daripada Saulatiah ke Dar al-Ulum yang baru didirikan. (Bruinessen. 1999)

Beliau juga seorang ulama berperwatakan sederhana, zuhud, berlapang dada, mengasihi fakir miskin dan sentiasa menghulurkan bantuan kepada para penuntut yang datang ke Mekah.

Syeikh Yasin mula mengajar di Masjid al-Haram dan Madrasah Dar al-'Ulum al-Diniyyah ketika umurnya belum mencecah 20 tahun. Keilmuan dan kehebatan beliau mendapat pujian daripada ramai ulama antaranya

Dr. 'Abd al-Wahhab Abu Sulaiman dalam kitabnya *al-Jawahir al-Thaminah fi Bayan Adillah 'Alim al-Madinah* berkata: 'Syeikh Yasin adalah seorang *muhaddith*, *faqih*, mudir Madrasah Dar al-'Ulum, pengarang banyak kitab san salah seorang ulama besar Masjid al-Haram.' (Solahnawi. 2007)

Mengenai kemahiran dan keilmuannya juga, Syeikh Mahmud Said Mamduh menyatakan: "Syeikh kami al-'Allamah al-Fadani bukan hanya sekadar seorang musnid,

¹ Lihat, Yusuf Alian Sarkis, t.th, *Dictionary of Arabic Printed Books from Beginning of Arabic Printing until end of 1339 H/1928 M*. Beirut: Dar al-Sader Publisher. Lihat juga, Muhammad Khayr Rakhshan Yusuf, 1416 H/1995 M, *Dalil al-Mu'allafat al-Hadith wa al-Sharifah al-Mathbu'ah al-Qadimah wa al-Hadithah*, Beirut: Dar Ibn Hazm. hlm. 69

bahkan beliau adalah seorang alim yang menguasai segenap disiplin ilmu Islam. Beliau menjadi tumpuan manusia meminta fatwa daripada pelbagai ceruk rantau. (Utusan. 2012)

Kedudukan Syeikh Yassin menjadikan beliau di antara ulama tersohor di seluruh dunia Islam dan menjadi tujuan permusafiran mereka bagi mendapatkan faedah ilmu dan merantainya dengan sanadnya yang tinggi.

Pengiktirafan terhadap kedudukannya itu dapat dilihat apabila gurunya al-Muhaddith Sayyid Abdullah bin al-Siddiq al-Ghumari dengan katanya: "Di antara mereka daripada kalangan mereka yang mengijazahkan saya ialah al-'Allamah al-Musnid Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani. Saya telah mengijazhkannya dan beliau pun mengijazahkan saya lalu kami saling ijazah mengijazahkan antara satu sama lain. Beliau sekarang adalah Musnid al-'Asr (Musnid unggul zaman)."

Al-Fadani termasuk ulama prolific yang memiliki hasil karya yang sangat banyak, karya dihasilkan oleh beliau, ada yang berjilid-jilid dan ada juga yang berupa risalah meliputi bidang fikah, usul fikah, balaghah, mantiq, falak, hadis dan sebagainya.

Dalam bidang hadis, khususnya ilmu *dirayah al-hadith* beliau menghasilkan banyak kitab iaitu:

1. *Al-Durr al-Mandud Sharh Sunan Abi Dawud*
2. *Fath al-'Allam Sharh Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam*
3. *Sharh Jawhar al-Thamin fi Arba'in Hadithan min Ahadith Sayyid al-Mursalin*
4. *Sharh al-Musalsal bi al-Itirah al-Tahirah*

Amat disayangkan bahawa kitab *Al-Durr al-Mandud sharah Sunan Abi Dawud* yang beliau karang sebanyak 20 jilid telah hilang sebahagian besarnya semasa hayat beliau lagi. Dr. Mahmud Sa'id Mamduh yang merupakan murid kanan beliau mengatakan dalam *Sadd al-Arab min 'Ulum al-Isnad wa al-Adab*:

"Saya pernah bertanyanya kepada Syeikh kami kemana perginya sebahagian besar syarahnya ke atas Sunan Abi Dawud? Beliau menceritakan kepadaku bahawa ianya telah pun hilang, kerana beliau telah menyewakan rumahnya pada suatu musim haji kepada seorang penyewa dari Universiti Islam, dan beliau meninggalkan kitab-kitab karangannya di suatu tempat. Kemudian selepas itu beliau mendapati kebanyakan syarah Sunan Abi Dawud telah hilang dan juga jilid pertama daripada syarah al-Luma' (Al-Amir al-Kabir. 2009)

Dengan keilmuannya ini, al-Fadani setanding dengan nama ulama hadis terkenal lain seperti Syeikh Abu al-Tayyib Shams al-Din al-'Azim al-Abadi pengarang kitab *'Awn al-Ma'bud* dan Syeikh Muhammad Khali al-Saharanfuri pengarang kitab *Badhl al-Majhud*. Kedua-dua kitab ini merupakan syarah Sunan Abi Dawud. (Khafidz Soroni. 2012)

Al-Fadani juga menulis beberapa kitab *Arba'inat* yang disusun secara unik iaitu:

1. *Al-Arba'un al-Buldaniyyah: Arba'un Hadithan 'an Arba'in Shaykhan min 'Arba'in Buldan*
2. *Arba'un Hadithan Musalsalah bi al-Nuhah ila al-Jalal al-Suyuti*
3. *Arba'un Hadithan min Arba'in Kltaban 'an Arba'in Shaykhan*

Beliau juga memiliki karya mengenai *awa'il* dan *musalsalat* iaitu:

1. *Ta'liqat 'ala al-Awa'il al-Sunbuliyyah*
2. *Al-'Ujalah al-Makiyyah fi Asanid Sa'id Sunbul ila Mu'allifih al-Kutub al-Hadithiyyah fi awa'ilih*
3. *Ta'liqat 'ala al-awa'il al-Ajluniyyah*
4. *Al-'Ujalah fi al-Ahadith al-Musalsalah*
5. *Ithaf Uli al-Himam al-'Aliyah bi al-Kalam 'ala al-Hadith al-Musalsal bi al-Awwaliyyah*
6. *Silsilah al-Waslah: Majmu'ah Mukhtarah min al-Ahadith al-Musalsalah*
7. *Waraqat fi Majmu'ah al-Musalsalat wa al-Awa'il wa al-Asanid al-'Aliyat*

Al-Fadani memang dikenali sebagai ulama yang hebat dalam ilmu *riwayat al-hadith*. Dalam bidang ini beliau memiliki 70 buah karya (Khafidh Soroni. 2012) Kehebatan beliau

dalam bidang ini disebabkan kegigihan beliau *bertalaqqi* dengan guru dan menghimpun sanad-sanad mereka. Tempat beliau di Makkah memudahkannya untuk bertemu dengan ramai ulama Islam yang datang ke tanah suci sehingga beliau dapat menghimpun sanad dan periwayatan ilmu dan hadis, selain beliau juga sering mendatangi negara-negara lain untuk menziarahi para ulama dan mengambil sanad daripada mereka. Disebutkan bahawa keseluruhan guru-guru yang beliau pernah temui atau beliau utuskan surat untuk meminta ijazah dan memperoleh *isnad* berjumlah sekitar 700 orang (Anas. 1414)

Pencapaian ini menjadikan kehebatan Syeikh Yasin al-Fadani dalam ilmu *riwayat al-hadith* tidak ada bandingannya di kalangan ulama *muta'akhirin* kecuali Syeikh Abd al-Hayy bin Abd al-Kabir al-Kattani (w. 1382 H), seorang ahli hadis besar daripada Maghribi (Khafidz Soroni: 2012) Dikatakan bahawa guru-guru al-Kattani berjumlah 500 orang (al-Kattani. 1982). Maka amat wajar jika Sayyid Abdullah al-Ghumari menggelarkan beliau sebagai *al-musnid al-'asr* dan Dr. Ali Jum'ah menggelarkan beliau *al-musnid al-dunya*.

Justeru, tidak hairan jika Syeikh Yasin al-Fadani pada masa hayatnya sering menjadi buruan pecinta *sanad* hadis untuk mendapatkan salasilahnya yang lebih tinggi (Abdul Hayei. 2010)

Kertas kerta yang ringkas ini tidak cukup untuk menggambarkan kehebatan ilmu Syeikh Yasin al-Fadani, khasnya dalam bidang hadis. Akan tetapi dari paparan ringkas ini setidaknya dapatlah kita ketahui bahawa Nusantara memiliki seorang *muhaddith* yang sangat hebat yang diakui *kealimannya* di seluruh dunia bahkan menjadi buruan untuk mendapatkan sanad daripada beliau.

3.5. Syeikh Muhammad Muhajirin Amsar al-Dari (w. 1423 H/ 2003 M) dan Karya-Karya Hadisnya

Ada hubungan dan keterkaitan keilmuan antara Syeikh Muhajirin dengan Syeikh Yasin, beliau adalah murid kepada Syeikh Yasin. Al-Dari di hujung nama beliau adalah nisbah kepada Dar al-Ulum madrasah yang dipimpin oleh Syeikh Yasin semasa hayatnya. Jadi, Syeikh Muhajirin termasuk dalam jaringan ulama Nusantara yang belajar Haramayn.

Muhajirin dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Baru, Cakung, Jakarta Timur, pada tanggal 24 November 1924. Pada 4 Dzulqa'dah tahun 1366 H bertepatan dengan bulan Ogos 1947 Muhammad Muhajirin bertolak ke Makkah untuk berumrah dan belajar di Makkah selama 7 tahun.

Beliau banyak berguru dengan ramai ulama besar yang berada di Haramayn iaitu kepada Syeikh Muhammad Ahyad yang menggantikan Syeikh Muchtar al-Tarid al-Jâwî di Masjid al-Haram, Syeikh Hasan Muhammad al-Masshat, Syeikh Zayni Bawean, Syeikh Muhammad 'Ali b. Husain al-Malikiy, Syeikh Mukhtar Ampetan, Syeikh Syed 'Alawi b. 'Abbas al-Malikiy, Syeikh Ibrahim al-Fataniy, Syeikh Amin al-Qutbiy, Syeikh Ahmad Manshuriy, Syeikh Muhammad Yasin al-Fadaniy, Syeikh Muhammad Amin al-Sinqitiy, Syeikh 'Abdurrahman al-Afriqiyy. (Muhajirin. 2007)

Syeikh Muhajirin diakui sebagai ulama yang ulung, beliau dijadikan rujukan dan tempat untuk menimba ilmu oleh para pelajar dan juga para ulama di Jakarta dan sekitarnya. Beliau juga termasuk ulama prolific yang menghasilkan cukup banyak karya. Yayasan Perguruan Annida, madrasah yang ditubuhkan oleh beliau mencatat karya yang dihasilkan beliau sejumlah 35 buah karya meliputi bidang Bahasa dan sastera, akidah, mantik, fikah dan usul fikah, usul al-tafsir, sejarah, tasawuf, serta hadis dan ilmu hadis. Semua karya-karyanya ditulis dalam Bahasa Arab. (Ahmad Levi. 2011)

Dalam bidang hadis dan ilmu hadis, beliau menghasilkan 4 buah kitab

1. *Al-Qawl al-Hathith fi Mustalah al-Hadith*
2. *Ta'liqat 'ala Matn al-Bayquniyyah*
3. *Al-Istidhkar*
4. *Misbah al-Zalam Sharh Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam*

Tiga kitab di atas membicarakan mengenai ilmu hadis. Kitab-kitab tersebut digunakan oleh beliau sebagai buku rujukan di Yayasan Perguruan Annida yang ditubuhkan oleh beliau.

Adapun kitab *Misbah al-Zalam* adalah karya tulisnya yang paling besar yang pernah beliau hasilkan. Kitab ini pada cetakan awal terdiri daripada 8 jilid. Pada cetakan terbaru kitab ini menjadi 4 jilid yang diterbitkan oleh penerbit Dar al-Hadith Jakarta.

Latar belakang lahirnya kitab *Misbah al-zulam* adalah berawal dari rasa kagum terhadap kitab *Bulugh al-maram* karya Ibn Hajar. Dalam pandangan beliau kehadiran *Bulugh al-maram* sebagai sebuah kitab hadis *ahkam* merupakan sebuah karya fenomenal. Syekh Muhajirin beralasan karena banyak ulama setelah generasi Ibnu Hajar menjadikan karyanya itu sebagai rujukan dalam pencarian *hujjah* seputar hukum Islam atau kajian hadis hukum itu sendiri yang melahirkan kitab-kitab penjelas (syarah). Selain hal-hal tersebut, *Bulugh al-maram* mampu memikat para pecinta ilmu agama untuk menjadikannya buku ajar di pelbagai lembaga pendidikan, dari pelbagai ideologi keagamaan mereka masing-masing, akan tetapi *Bulugh al-maram* mampu diterima baik di tengah-tengah perbezaan ideologi tersebut. Hal ini semakin menguatkan kewujudan *Bulugh al-maram* sebagai sebuah karya besar yang terlahir dari ulama besar Ibn Hajar al-'Asqalaniy. (Muhajirin. 1994)

Kitab *Misbah al-zalam* secara naskah ditulis pada saat Syekh Muhajirin berada di Mekah. Kemudian penyempurnaan penulisan selesai dilakukan pada tahun 1972 dan pertama kali diterbitkan pada tahun 1985 oleh Perguruan Annida Al-Islamiy. Kitab *Misbah al-zalam* terdiri dari lapan jilid. Jilid I terdiri dari 279 halaman, jilid II 293 halaman, jilid III 270 halaman, jilid IV 258, jilid V 204 halaman, jilid VI 276 halaman, jilid VII 236 halaman, jilid VIII 284 halaman. Urutan kitab, bab, dan nombor hadis adalah sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Bulugh al-maram* terdiri dari 16 judul kitab, 76 judul bab dan 1597 hadis. (Ahmad Levi. 2011)

Dengan kehadiran karya-karya hadis yang dihasilkan oleh beliau, membuktikan bahawa ulama Nusantara juga memiliki para Ulama yang cukup hebat dalam bidang hadis setanding dengan para ulama hadis di belahan dunia lain.

4. Kesimpulan

Kertas kerja ini mendapati bahawa bumi Haramayn telah menjadi pilihan utama bagi para penuntut ilmu daripada Nusantara semenjak abad ke-17 lagi. Selain itu, terbina juga jaringan keilmuan antara Nusantara dan Haramayn. Para ulama yang pernah belajar di Haramayn menjadi mata rantai keilmuan daripada gurunya ketika mereka menyebarkan ilmunya di Nusantara ataupun kepada pelajar lain yang datang ke Haramayn.

Disamping itu terdapat ketersambungan sanad keilmuan yang membentuk satu jaringan keilmuan. Al-Raniri pernah berguru dengan Umar bin Abdullah Ba Shayban, Ba Shayban berguru dengan Abdullah al-Aydrus, Abdullah al-Aydrus pula belajar dengan Ahmad al-Qushashi. Al-Singkili juga berguru kepada Ahmad al-Qushashi dan juga kepada Ibrahim al-Kurani al-Kurdi.

Al-Tarmasi walaupun hidup jauh dari zaman al-Singkili, akan tetapi dalam *sanad* keilmuannya khususnya dalam bidang hadis, memiliki ketersambungan dengan Ahmad al-Qushashi dan Ibrahim al-Kurani yang menjadi guru al-Singkili. Sebagai contoh, dalam sanad kitab *Sahih al-Bukhari*, al-Tarmasi menerimanya daripada gurunya Abu Bakr Shata daripada Isa al-Barawi daripada Ahmad bin Abd al-Fattah al-Malawi daripada Ibrahim al-Kurani al-Kurdi daripada Ahmad bin Muhammad al-Qushashi. (Al-Tarmasi. t.th.)

Syeikh Yasin al-Fadani pula memiliki ketersambungan sanad dengan al-Tarmasi. Antara guru al-Fadani ialah Syeikh Umar Hamdan al-Mahrisi dan Syeikh Umar Hamdan berguru kepada Syeikh Mahfuz al-Tarmasi.

Syeikh Muhammad Muhajirin pula merupakan anak murid kepada Syeikh Yasin al-Fadani ketika belajar di Dar al-Ulum, Makkah.

Maka nampaklah adanya ketersambungan sanad keilmuan antara para ulama Nusantara sehingga membentuk jaringan keilmuan.

Kertas kerja ini juga membuktikan bahawa para ulama Nusantara bukan hanya *alim* dalam bidang akidah, fikah ataupun tasawud tetapi mereka juga memiliki kepakaran dalam bidang hadis. Bahkan ada dikalangan mereka ada yang diakui sebagai *muhaddith* unggul seperti Syeikh Mahfuz al-Tarmasi dan Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani.

Oleh itu, kertas kerja ini diharapkan dapat kita sebagai generasi penerus para ulama tersebut hendaknya berbangga dengan khazanah keilmuan hadis yang begitu kaya, sekaligus menjadi pemacu bagi para pelajar hadis di rantau ini untuk mencontohi para ulama hadis kita yang begitu gigih sehingga menghasilkan karya hadis yang cukup bernilai tinggi.

Daftar Pustaka

- Abdurrahman Mas'ud, 2006, *Dari Haramain ke Nusantara, jejak intelektual arsitek pesantren*, Jakarta: Kencana Pranada Media Group
- Abdul Hayie Abdul Shukor. 2010. *Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani 1316-1990 M/1335-1996 M*. <http://drhayei.com/2010/07/tokoh-Islam.html>[1 November 2013]
- Ahmad Levi Fachrul Avivy dan Jawiah Dakir. 2011. Ketokohan Sheikh Muhammad Muhajirin Amsar al-Dary sebagai ilmuan Hadis Nusantara: Analisis terhadap Kitab Misbah al-Zulam Sharh Bulugh al-Maram dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara IV: Ulama Transformasi Negara*. Jabatan Arab dan Tamadun Islam FPI, UKM.
- Al-Kabir, Muhammad al-Amir. 2009. *Sad al-Arab min Ulum al-Isnad wa al-Adab*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Al-Kattani, 'Abd al-Hayy bin Abd al-Kabir. 1982. *Fihris al-Faharis wa al-Athbat*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami
- Azyumardi Azra. 2007. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar Pembaruan Pemikiran Islam Indonesia*. Bandung: Mizan.
- Khafidh Soroni dan Mohd Norzi Nasir. 2012. Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani dan Ketokohnya dalam Ilmu Riwayat al-Hadith dalam *Warisan Hadis Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kutubi, Anas Ya'qub. 1414 H. *Lamahat min Hayat al-Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani, Jaridah al-Madinah al-Munawwarah*, bil. 9567. 10 Safar.
- Martin Van Bruinessen. 1999. *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat, Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, cet.ke-3
- Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi, 1987, *Kifayah al-Mustafid*, Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah
- Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi. t.th. *al-Khil'ah al-Fikriyyah Sharh al-Minhah al-Khayriyyah*. Indonesia: al-Haramayn
- Muhammad Mahfuz al-Tarmasi. 2008. *Manhaj Dhaw al-Nazar bi Sharh Manzumah 'Ilm al-Athr*. Beirut: Dar al-Fikr
- Muhammad Mahfuz al-Tarmasi. t.th. *al-Minhah al-Khayriyyah fi Arba'in Hadithan min Ahadith Khayr al-Bariyyah*. Demak: t.pt.
- Muhammad Muhajirin. 2007. *Sejarah Singkat Perjalanan Hidup Syeikh Muhammad Muhajirin Amsar Addary*. Bekasi: Pesantren Annida Al-Islamy Bekasi.
- Muhammad Muhajirin Amsar ad-Dary. 1994. *Misbah al-Zulam Sharh Bulugh al-Maram*. Jakarta: tp.
- <http://solahnawadi.blogspot.com/2007/06/yasin-padang.html>
- Yusuf Alian Sarkis. t.th. *Dictionary of Arabic Printed Books from Beginning of Arabic Printing until end of 1339 H/1928 M*. Beirut: Dar al-Sader Publisher

- Wan Mohd. Saghir Abdullah. 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah
- Wan Mohd. Saghir Abdullah. 1999. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah